

Anak istimewa didera di pusat terapi

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM/LUQMAN**
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Seorang suri rumah terkilau dan sedih apabila anak istimewanya yang dihantar menjalani terapi menjadi mangsa dera di sebuah pusat terapi berbayar di sebuah universiti awam di Skudai, dekat sini, sejak awal tahun ini.

Nik Huzaiwati Husin, 33, mendakwa, penderaan itu bukan sahaja mendatangkan kesakitan fizikal kepada anaknya Tuan Muhammad Uwais Abrisam, 6, malah kecederaan mental terhadap kanak-kanak itu.

“Kejadian itu menyebabkan Abrisam menjadi trauma, hampir setiap malam dia akan terbangun kira-kira pukul 1 pagi dan berjaga hingga 4.30 pagi.

“Adakalanya dia menangis seorang diri tanpa tahu apa puncanya. Sedang kami berusaha sedaya-upaya memberikan rawatan terbaik buat Abrisam, memori hitam ini yang ditinggalkan kepada anak kecil ini,” katanya ketika ditemui, semalam.

Nik Huzaiwati pada mulanya tidak mengesyaki perkara itu kerana sudah lama menghantar anak sulungnya yang didiagnosis mild autisme itu untuk mendapatkan rawatan di pusat terbabit sejak November 2019.

Dia yang tinggal di Pulau Sri Perdana berkata, apabila kesan lebam dan cedera di badan semakin ketara sejak awal tahun ini, keluarganya mula merasa ada sesuatu yang tidak kena ber-



KESAN penampar dan lebam pada bahagian muka dan bahu serta lengan Abrisam didakwa kerana didera di sebuah pusat terapi di Skudai, Johor Bahru.

laku kepada anak istimewanya itu.

“Apabila bertanyakan kepada guru di pusat terapi mengenai kesan itu, jawabnya ia disebabkan aktiviti di pusat berkenaan. Pada awalnya saya mempercayai kata-kata mereka sehingga kesan kecederaan

itu semakin teruk seperti nampak kesan penampar di pipi.

“Masa itu kami sudah mualsyak Abrisam didera, sebab jelas nampak kesan tapak tangan dan penjelasan yang diberikan kesemuanya tidak masuk akal. Hati saya berat sangat hendak terima alasan mereka,” katanya.